

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

HIU 305 - Pendidikan Rohaniah dalam Islam

Tarikh: 10 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Jawab TIGA(3) soalan sahaja.

Setiap jawapan hendaklah disokong oleh dalil-dalil Al-Qur'ān atau Hadith di mana berkenaan.

1. Sifat-sifat terpuji amat penting di dalam kehidupan mukmin, seperti sabar, ridha, syukur, tawakkal dan seumpamanya.
 - (a) Bincangkan sifat sabar dan ridha di dalam konteks pembinaan Iman dan Taqwa.
 - (b) Sifat sabar mempunyai beberapa tingkatan. Bincangkan sifat sabar dengan terperinci, serta kemukakan dalil-dalil untuk menyokong perbincangan anda.
2. Sifat-sifat Keji adalah cetusan dari hati yang buruk. Bincangkan perkara-perkara berikut:
 - (a) Nafsu merupakan sumber lahirnya kebaikan dan kejahatan. Bincangkan Nafsu dari sudut pendidikan Rohaniah.
 - (b) Huraikan tingkatan Nafsu seperti yang tercatat di bawah:
 - i. Ammarah
 - ii. Mulhamah
 - iii. Mutmainnah
 - iv. Ro'diah
 - v. Kāmilah.

- (c) Bagaimana cara mendidik nafsu supaya dapat mentaati dan mematuhi Allah dan Rasul di dalam konteks pembinaan Iman dan Taqwa.
3. Huraikan dengan ringkas mengenai perkara-perkara berikut:
- (a) Sifat-sifat terpuji adalah tunjang kekuatan jiwa.
 - (b) Sabar dan ridha adalah sifat terpuji di sisi Allah
 - (c) Kekesanan pendidikan rohaniah di dalam konteks pembinaan peribadi mukmin.
4. Niat adalah punca segala amal bakti. Jelaskan prinsip niat dan hubungannya dengan sifat ikhlas serta huraikan peringkat-peringkatnya.
5. Huraikan sifat-sifat terpuji berikut:
- (a) Pemurah
 - (b) Tawadduk
 - (c) Syukur
 - (d) Pema'af.
6. Huraikan dengan terperinci pandangan Islam mengenai konsep cintakan Allah di dalam hubungan pendidikan Rohaniah.